

## SEJARAH PERSEJARAHAN ISLAM

oleh

MAHAYUDIN HJ. YAHAYA

Di akhir-akhir abad ke 20an ini corak dan susunan politik dunia telah berubah berikutan daripada perang dunia pertama dan kedua; negara-negara seperti Russia dan China telah tampil kemuka untuk menandingi kekuatan dan kemajuan negara-negara barat. Seterusnya negara-negara yang sedang membangun, terutama negeri-negeri di daerah Asia Barat, telah turut sama dalam proses pembangunan negara. Kebanyakan daripada penduduk-penduduk di Asia Barat adalah beragama Islam. Masyarakat Islam di rantau Asia Barat pernah melalui masa kegemilangannya di pertengahan abad kesepuluh. Berbagai bidang ilmu pengetahuan telah diteroka oleh mereka, antara lain ialah dalam perbidangan persejarahan (historiography). Dalam konteks ini Franz Rosenthal telah menulis:

"For the later development of Western historiography, it may not have been entirely insignificant that in Muslim literature there existed so large an amount of historical information. The mere fact that such information was readily available for everybody who took the trouble of learning Arabic may have hastened the slow progress of Western historiography toward a truly universal outlook on history. The development of modern historical writing seems to have gained considerably in speed and substance through the utilization of a Muslim historical literature which enabled Western historians from the seventeenth century on, to see a large section of the world through foreign eyes. Muslim historiography also contributed to the picture of Islam which inspired the historical views of men such as D. Hume, T.H. Warton, and, through them, J.G. Herder, and thus, it helped indirectly and modestly to shape present-day historical thinking."<sup>1</sup>

Dalam perbincangan mengenai "Sejarah Persejarahan Islam" beberapa perkara penting perlu di persoalan: pertama, penulisan sejarah dizaman pra-Islam, kedua, persejarahan Islam di peringkat awal dan tokoh-tokohnya, ketiga, bentuk persejarahan Islam; ke empat peranan persejarahan Islam di dalam pendidikan; ke lima, perkembangan ilmu pengetahuan di abad pertengahan dan kesannya dalam persejarahan Islam dan ke enam, persejarahan Islam moden.

Semenanjung Arab adalah merupakan suatu kawasan yang luas yang terletak di Asia Barat di mana kebanyakan daripada penduduk-penduduknya adalah berbangsa Arab, atau lebih dikenali sebagai "badawi". Pada keseluruhannya Semenanjung Arab adalah diliputi oleh padang pasir, dan hanya sedikit dari bahagian selatan dan utara semenanjung didapati kemajuan dalam berbagai bidang; politik, ekonomi dan sosial. Di daerah-daerah pinggir utara dan selatan semenanjung ini telah dipengaruhi oleh bangsa-bangsa Rom dan Parsi sebelum kedatangan Islam dan ramai di antara penduduknya yang menganut ugama Kristian dan Yahudi.

Disebelah selatan Semenanjung Arab (Yaman dan Kinda) terdapat beberapa inskripsi yang menunjukkan adanya kemajuan manusia sejak abad ke 8 S.M. Begitu pula di bahagian utara semenanjung (Hira dan Ghassan), di mana ramai daripada penduduknya

---

<sup>1</sup>F. Rosenthal, *A History of Muslim Historiography*, Leiden, 1968, h. 197.

adalah beragama Kristian, mempunyai kesan-kesan sejarah yang menandakan ujudnya beberapa kemajuan manusia, namun demikian, pengetahuan dan pencapaian mereka dalam perbidangan persejarahan adalah sangat-sangat terhad manakala usaha penyebarannya pula hampir tidak ada.<sup>2</sup> Kenyataan ini dapat dilihat daripada bentuk/cara penulisan pra-Islam itu sendiri.

Persejarahan di zaman pra-Islam merupakan sebahagian daripada ilmu pengetahuan am yang berkait rapat dengan ilmu kesusasteraan. Persejarahan pra-Islam mempunyai dua sumber penting: pertama: sumber, '*The battle-days narratives*' (*al-Ayyam*), kedua, sumber 'Keturunan' (*al-Ansab*). *Al-Ayyam*, ialah sekumpulan cerita yang berbentuk lisan yang merujuk kepada soal-soal yang berkaitan dengan kegiatan-kegiatan masyarakat Arab di zaman '*jahiliyah*'. Segala kegiatan dan tanggungjawabnya adalah tertakluk sepenuhnya kepada suku-suku yang terlibat.<sup>3</sup> Pengaruh *al-Ayyam* adalah kuat dan berterusan hingga zaman Islam dan berakhir di abad ke-2 hijrah (atau ke-8 masihi).<sup>4</sup> Kisah-kisah *al-Ayyam* ada mengandungi ciri-ciri sejarah, tapi pada dasarnya ia tidak dirancang untuk menghasilkan bahan sejarah. Tujuan utama dalam penulisan *al-Ayyam* ialah untuk memperkembangkan Ilmu kesusasteraan. Kebanyakan ahli-ahli sejarah enggan menerima *al-Ayyam* sebagai fakta sejarah kerana ia adalah berbentuk puisi dan legenda, dan dipindahkan secara *oral* yang banyak berfahaman kedaerahan dan kesukuan.<sup>5</sup> Apa yang lebih penting di sini ialah tentang kesan dan pengaruh *al-Ayyam* dalam penulisan sejarah. Ramai diantara ahli-ahli bahasa Arab, ahli keturunan dan sejarawan Islam seperti Abu 'Ubaidah, Ibn Qutaibah, al-Mada'ini, al-Isfahani, Ibn al-Athir telah di pengaruhi oleh *al-Ayyam*. Dalam konteks ini Haji Khalifah dalam bukunya ada menyatakan, "bahaawa *al-Ayyam* adalah salah satu sumber yang terpenting bagi sejarah Islam".<sup>6</sup> Sumber keturunan (*Ansab*) atau *geneology* banyak mempersoalkan tentang salasilah bagi sesuatu kaum atau suku. Sumber keturunan ini boleh juga dijadikan sebagai pertanda ujudnya pemikiran mengenai sejarah di zaman pra-Islam. Tetapi adalah agak sukar untuk ditentukan samaada sejarah keturunan mempunyai kaitan dengan peristiwa sejarah bagi sesuatu suku atau keturunan, kerana, menurut F. Rosenthal, bahawa semua penulisan yang berbentuk salasilah dihafal oleh peminat-peminatnya, dan sekiranya tidak ada sesiapa yang berminat untuk mengingatkan semula segala bahan-bahan dan data-data yang diperolehi sebelumnya, sudah pasti ianya, melalui proses peredaran masa, akan luput begitu saja.<sup>7</sup> Pengaruh *geneology* (*Ansab*) keatas penulisan sejarah di zaman Islam tidak kurang juga pentingnya. Oleh yang demikian, terdapat beberapa tokoh sejarawan Arab di peringkat awal Islam seperti Wahb b. Munabbih (m. 114/732 M) yang menitikberatkan soal keturunan. Wahb b. Munabbih sentiasa berbangga dan bermegah dengan asal keturunannya dan telah mendewa-dewakan kemajuan dan kebolehan orang-orang Yaman. Perasaan seperti ini telah menimbulkan pertelingkahan dan permusuhan di antara Arab Selatan (Yaman) dengan Arab-Utara (Mudar atau Qais), atau diantara suku Kahtan dengan suku Adnan. Dengan adanya persengketaan ini serta jarak ruang di antara bahagian Semenanjung Arab utara

---

<sup>2</sup>F. Rosenthal, *op. cit.* h. 22

<sup>3</sup>Sila Lihat al-Durl, Abdul Aziz, *Bath fi Nash'at Ilmu al-Tarikh inda al-Arab,, Daral-Sadir Beirut, 1960*, h. 16-18.

<sup>4</sup>*Ibid.*, h. 8

<sup>5</sup>*Ibid.*, h. 18; F. Rosenthal, *op. cit.*, h. 20. Hanya P.K. Hitti sahaja yang menyangka bahawa persejarahan itu telah ujud di kalangan orang-orang Arab di zaman pra-Islam. Sila lihat P.K. Hitti, *History of the Arabs*, St. Martin Press, New York, 1968, h. 95.

<sup>6</sup>Haji Khalifah, *Kashp al-Zunun 'an Asami al-Kutub wa-al-Funun*, vol. 1 Istanbul, 1941-43,

<sup>7</sup>F. Rosenthal, *op. cit.*, h. 21.

dengan bahagian Semenanjung Arab selatan maka telah menyebabkan kesukaran perhubungan di antara kedua pihak secara terus menerus.<sup>8</sup> Justru itu kadangkala cerita-cerita yang dibawa daripada selatan ke utara atau sebaliknya merupakan cerita-cerita palsu dan dogeng yang tidak menepati dengan apa yang sebenarnya. Oleh itu Duri berpendapat bahawa pembawa-pembawa cerita (*ruwah*) di zaman pra-Islam hanya boleh di anggap sebagai *novelists* bukan *historians*.<sup>9</sup>

Dari kenyataan-kenyataan di atas dapatlah disimpulkan bahawa pengertian sepenuhnya terhadap sejarah (concrete forms of expressing historical consciousness) di kalangan orang-orang Arab di zaman pra-Islam adalah tidak wujud, tetapi apa yang ada ialah '*historical literature*' dan ini hanya di iktiraf selepas abad ke-13 masihi.<sup>10</sup> Dalam konteks ini terpujanglah kepada kebijaksanaan sejarawan untuk memilih bahan-bahan yang relevan dan menolak mana yang tidak sesuai dengan penulisan sejarah.

Setelah kita melihat cara penulisan sejarah yang dilakukan oleh orang-orang Arab sebelum kedatangan Islam, maka bagaimana pula dengan bentuk/corak persejarahan Arab selepas kemunculan Islam?

Sebelum kita melihat dengan lebih dekat tentang persejarahan di zaman Islam maka ada baiknya dihuraikan terlebih dahulu tentang pengertian sejarah. Perkataan 'sejarah, dalam bahasa Malaysia diambil daripada kalimah Arab '*Shajarah*' yang mengertikan 'pohon' 'salasilah' atau 'keturunan'. Perkataan '*history*' dalam bahasa Inggeris berasal dari perkataan Yunani '*historia*' yang bermakna 'penyelidikan'.<sup>11</sup> '*Ta'rikh*' dalam bahasa Arab membawa pengertian 'pengtarikhan', *date* atau *era* (*haqbah, zaman*).<sup>12</sup> Keadaan ini tidak statik untuk selama-lamanya. Setelah beberapa masa (iaitu pada abad ke-2 hijrah) perubahan dalam penulisan telah berlaku. Justru itu perkataan *Ta'rikh* kemudiannya memperolehi pengertian *historical work* dan seterusnya di abad ke 3 hijrah di mana sekop kajian *Ilmu Tarikh* telah bertambah meluas hinggalah sampai ke tahap pengertian sejarah moden.<sup>13</sup> Sejak itu perkataan '*Tarikh*' mempunyai dua pengertian: pengertian khusus dan pengertian umum. Pengertian umum adalah digunakan sebagai tajuk kepada penulisan sejarah. Sebagai contoh '*Tarikh al-Tabari*', '*Tarikh al-Andalus*', '*Tarikh Baghdad*', dsb. Perkataan *Tarikh* disini membawa pengertian *annals* atau *chronicles*. Manakala pengertian khususnya pula hanyalah merujuk kepada haribulan bagi menentukan jangkamasa bagi sesuatu peristiwa. Kedua-dua pengertian khusus dan umum, ini sudah menjadi asas bagi penulisan sejarah Islam. Dalam lain perkataan, sesuatu keria itu tidak boleh dianggap sebagai penulisan sejarah kecuali disertai dengan haribulan, *Tarikh*, atau *chronology*.

Di peringkat awal Islam, Ilmu Sejarah lebih dikenal dengan nama *Ilmu al-Akhbar wa Ta'rikh*, dan kemudiannya dihubungkan pula dengan sejarah Nabi Muhammad S.A.W., yang dikenali dengan *Tarikh al-Maghazi*. Menerusi tahap-tahap inilah maka idea sejarah itu berkembang di abad pertengahan.

Kedatangan Islam ke Semenanjung Arab adalah merupakan titik tolak di mana sejarah orang-orang Arab di rantau ini telah memasuki suatu era baru. Islam telah membawa idea-idea baru tentang sejarah. Kitab suci al-Qur'an merupakan sumber utama bagi

<sup>8</sup> Al-Hamdani, Abu Muhammad al-Hasan b. Ahmad, *al-Iklil*, ed. al-Khatib, vol. X, Cairo, 1959, h. 30.

<sup>9</sup> Duri, *op. cit.*, h. 15.

<sup>10</sup> F. Rosenthal, *op. cit.*, h. 20.

<sup>11</sup> Sila lihat W.E. Caldwell, *The Ancient World* Holt, Rinehart and Winston Press, New York, 1969, h. ix.

<sup>12</sup> Sila lihat "al-Hidjra", H.A.R. Gibb & J.H. Kramers, (ed.), *Shorter Encyclopaedia of Islam*, E.J. Brill, Leiden, 1961, h. 139; Rosenthal, *op. cit.*, h. 13.

<sup>13</sup> F. Rosenthal, *op. cit.*, h. 14.

sejarah Islam. Al-Qur'an adalah berbentuk asli dan tulen dan kitab petunjuk bagi sekalian orang-orang yang bertaqwa. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah S.W.T., yang bermaksud "Kitab al-Qur'an ini tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertaqwa".<sup>14</sup> Dari ayat ini ternyata sekali bahawa al-Qur'an itu pada keseluruhannya adalah terkandung beberapa contoh dan tauladan yang mencakup berbagai disiplin hidup manusia sejagat. Selain dari itu Allah S.W.T. juga menjelaskan tentang kesahihan, keaslian, ketulinan (authenticity) al-Qur'an tanpa dipengaruhi oleh faktor-faktor, luar atau dalam manusia. Didalam al-Qur'an terdapat beberapa qisah menceritakan sejarah Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul sejak Nabi Allah Adam hinggalah ke Nabi Muhammad S.A.W. serta kerajaan-kerajaan seperti kerajaan Saba' dan kaum-kaum 'Ad, Thamud, Firaun, dan sebagainya. Kisah-kisah ini banyak menceritakan tentang bangkit dan jatuhnya sesebuah kerajaan serta sebab akibat dari kejatuhan dan keruntuhannya. Dari sebab utama kejatuhan bagi sesuatu kerajaan itu ialah hasil daripada penyelewengan dari ajaran Allah S.W.T. Tujuan dan matlamat cerita-cerita yang di bawakan itu ialah untuk dijadikan contoh dan ingatan, sebagai mana firman Allah S.W.T. yang bermaksud "sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai aqal. Al-Qur'an itu bukanlah cerita-cerita yang dibuat-buat, akan tetapi membenarkan (kitab-kitab) yang sebelumnya dan menjelaskan segala sesuatu, dan sebagai petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman".<sup>15</sup>

Ditinjau dari segi prinsip-prinsip kemanusiaan nyatalah penyelewengan, perasaan angkuh dan sifat takbur yang dilakukan oleh kaum-kaum 'Ad, Thamud dan Firaun, oleh sebab itu mereka menerima berbagai bala dan azab sengsara dari Allah S.W.T. Sifat-sifat yang keji ini tergulung dalam perkataan '*munkar*' yang berlawanan dengan pengertian '*ma'ruf*', kebaikan. Pertentangan diantara dua sifat, *munkar* dan *ma'ruf* inilah yang menjadi watak utama dalam siri sejarah yang disebut di dalam al-Qur'an. Dan dari qa'idah inilah penulisan sejarah Islam di peringkat awal didasarkan. Disini dapatlah disimpulkan bahawa sejarah menurut al-Qur'an adalah bersifat *functional* yang mempunyai matlamat yang tertentu dan diarah oleh nilai-nilai agama yang menjadi qa'idah yang paling ideal. Dalam konteks ini, Abdallah Laroui dalam bukunya "The Crisis of the Arab Intellectual" telah menyarankan bahawa "history and grammar were sciences that were subordinate to the true science, namely, religious knowledge".<sup>16</sup>

Sumber yang kedua bagi persejarahan Islam ialah Hadith Nabi. Segala amalan, percakapan dari setiap gerak geri yang di lakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W., telah diteliti dan diambil contoh oleh para sejarawan Islam. Hadith Nabi telah dijadikan sebagai sumber utama didalam pentafsiran al-Qur'an dan dijadikan sebagai testimoni di dalam perkaedahan sejarah. Ini adalah satu-satunya sifat yang berlainan dari perkaedahan sejarah barat<sup>17</sup> 'Aqidah atau kepercayaan dalam Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad adalah lebih nyata dan jelas dan mudah difahami jika berbanding dengan kepercayaan dalam agama Yahudi dan agama Kristian. Contohnya bahawa cerita-cerita yang diperolehi didalam al-Qur'an adalah berbeza dari apa yang terdapat didalam Kitab Taurat dan Injil, terutama mengenai sejarah Nabi -Nabi dan Rasul-Rasul. Ini sudah membuktikan bahawa segala maklumat tentang sejarah yang disampaikan oleh Nabi Muhammad S.A.W. adalah asli dan tulen. Sebagai bukti yang lain tentang ketulinan persejarahan Islam dapat dilihat

<sup>14</sup> Surah *al-Baqarah*, ayat 1-2.

<sup>15</sup> Surah *Yusuf*, ayat III.

<sup>16</sup> Abdallah Laroui, *The Crisis of the Arab Intellectual*, University of California Press, London, 1976, h. 15.

<sup>17</sup> F. Rosenthal, *op. cit.*, h. 23.

dari segi jangkamasa sejarah itu sendiri. Sejarah, menurut Islam, akan berakhir dihari Qiamat. Hari Qiamat adalah suatu hari yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T.<sup>18</sup> bagi menghitung segala amalan manusia didunia, baik dibalas baik dan jahat dibalas jahat, mengikut kaedah *ma'ruf* dan *munkar* yang disebut diatas tadi. Faktor penentuan masa datang (hari Qiamat) dalam perkaedahan sejarah yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W. ini adalah bertentangan dengan konsep sejarah yang diamalkan oleh ahli falsafah sejarah dan sejarawan Kristian diabad pertengahan.<sup>19</sup>

Dari kenyataan diatas dapatlah disimpulkan bahawa Nabi Muhammad S.A.W. adalah pengasas persejajaran Islam, dan baginda sendiri adalah seorang yang berminat dalam pengkajian sejarah. Di suatu ketika baginda ada bersabda yang bermaksud "Wahai umatku sekalian, janganlah kamu semua abaikan pentarikhan (dalam penulisan sejarah) kerana pentarikhanlah yang boleh mendorong kamu kepada kebenaran sejarah samaada lama atau baru."<sup>20</sup>

Setelah Nabi Muhammad S.A.W. wafat orang-orang Arab merasakan diri mereka sebagai warisan dan bertanggung jawab terhadap penyibaran ugama Islam, kerana mereka-lah orang-orang yang pertama memeluk ugama Islam dan lagi Nabi Muhammad S.A.W. itu sendiri dari keturunan bangsa mereka.

Ugama Islam kian bertambah berkembang hasil daripada penaklukan dan penguasaan keatas beberapa daerah yang dikuasai oleh tentera-tentera Rom dan Parsi di Asia Barat, Syria dan Iraq. Kejayaan-kejayaan yang diperolehi oleh tentera-tentera Islam dalam peperangan menentang bala tentera Rom dan Parsi ini telah dilaksanakan dalam jangka masa yang pendek dan dianggap sebagai suatu kemenangan yang luar biasa yang belum ditempuhi oleh sejarah. Inilah antara lain sebab-sebab yang mendorong orang-orang Arab kearah 'pengkajian sejarah. Tapi sebab yang utamanya ialah kepercayaan terhadap al-Qur'an dan ugama serta hadith-hadith Nabi.

Sewaktu Pemerintahan Khalifah 'Umar b. al-Khattab (13/634—23/644) berbagai perubahan telah berlaku, terutama dalam bidang persejajaran. Miskipun terdapat ciri-ciri sejarah dan minat-minat kearah pembelajaran sejarah sebelumnya namun demikian pengertian sejarah masih lagi kabur hinggalah ke tahun 17/638<sup>21</sup> dimana Khalifa 'Umar telah menentukan tahun Hijrah (622) sebagai permulaan tahun Islam. Sejak penentuan tahun Islam ini dilakukan maka penggunaan haribulan, *ta'rikh* (chronology) dalam penulisan sejarah terus dilakukan dan menjadi tulang belakang kepada persejajaran Islam.

Sebelum mengkaji lebih lanjut tentang persejajaran Islam, adalah lebih sesuai mengetahui terlebih dahulu tentang pengertian dan sejarah kemunculan perkataan "*Ta'rikh*" serta hubungannya dengan persejajaran Islam. Sebagaimana yang disebutkan diatas bahawa pengertian *Ta'rikh* adalah berbeza dengan maksud perkataan *historia* dalam bahasa Yunani atau *history* dalam bahasa Inggerisnya kerana kalimah *Ta'rikh*, terutama diperingkat

<sup>18</sup> Berhubung dengan hari Qiamat banyak disebut didalam al-Qur'an antara lain ialah dalam surah *al-Baqarah*, ayat 113, *al-Imran*, ayat 185, *al-Nisa'* ayat 87, 159, *al-An'am*, ayat 12.

<sup>19</sup> F. Rosenthal, *op. cit.*, h. 23.

<sup>20</sup> Ibn al-Mudabbir, *al-Risalat al-Adhra'fi Rasail al-Bulaghara'*, ed. Muhammad Kurd Ali, Cairo, 1913, h. 183; Rosenthal, *op. cit.*, h. 30.

<sup>21</sup> Beberapa pendapat mengenai masa penentuan tahun Hijrah ada yang mengatakan tahun 16 Hijrah, ada yang mengatakan tahun 17 hijrah dan ada pula yang mengatakan tahun 18 Hijrah, tapi yang lebih benar ialah pada tahun 17 hijrah (sila lihat "*al-Hidjra*", H. A.R. Gibb & J.H. Kramers, (ed)., *Shorter Encyclopaedia of Islam*, E. J. Brill, Leiden, 1961, h. 13.

awal, tidak mengandungi unsur-unsur falsafah,<sup>22</sup> dan bertentangan dengan pengertian *usturah* pl. *asatir*, legenda.<sup>23</sup> Perkataan *Ta'rikh* dikatakan berasal dari bahasa selatan Semenanjung Arab (Yaman) kemudiannya dipindahkan kedalam bahasa utara Semenanjung Arab oleh Ya'la di zaman Khalifah 'Umar. Pendapat kedua, yang teramai dan disetujui oleh F. Rosenthal, mengatakan bahawa idea penentuan tahun Hijrah dan penggunaan haribulan, *Ta'rikh*, dalam perkaedahan sejarah adalah ditimbulkan oleh Khalifah 'Umar sendiri.<sup>24</sup> Dan disini perlu juga ditegaskan bahawa perkataan *Ta'rikh* tidak disebut baik didalam kesusasteraan pra-Islam maupun dalam al-Quran.<sup>25</sup> Ini sudah menunjukkan bahawa persejajaran Islam itu berbentuk asli dan tulin tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pendapat atau pemikiran manusia sebelumnya.

Perubahan kedua yang berlaku dizaman Khalifah 'Umar ialah penubuhan sebuah *Diwan*, senarai nama-tentera Islam yang menerima elaun mengikut sistem keturunan, 'genealogical system'. Bertitik tolak dari sini penulisan sejarah Islam<sup>26</sup> di peringkat awal telah terbahagi kepada dua aliran: aliran Islam dan aliran keturunan. Aliran Islam telah dikaitkan dengan peristiwa penentuan tahun Hijrah dan di pelurpuri oleh ulamak-ulamak yang berpusat di Madinah. Dalam penulisan sejarah aliran Islam banyak menekankan kepada soal-soal yang berkaitan dengan ugama dan meneliti serta mengkaji segala percakapan dan tindakanduk yang di lakukan oleh Nabi dalam berbagai aspek ugama, politik ekonomi dan sosial, seterusnya tindaklaku sahabat-sahabat Nabi yang mulia. Pelupur-pelupur aliran Islam terdiri ramai daripada sahabat-sahabat yang arif tentang riwayat hidup Nabi dan memahami al-Qur'an dengan baik. Kebanyakan daripada mereka ini pernah menyertai peperangan bersama-sama dengan Nabi. Aliran keturunan pula adalah dipelupuri oleh sasterawan yang banyak mengetahui tentang asal usul dan salasilah suku-suku Arab serta memahami kesusasteraan pra-Islam secara mendalam, dan aliran keturunan ini telah dikaitkan dengan peristiwa penubuhan *diwan* di zaman pemerintahan Khalifah 'Umar yang berpusat di Kufah dan Basrah. Kedua-dua aliran ini mempunyai pengaruh dan pengikut-pengikut masing-masing, tapi ternyata pada akhirnya aliran Islam telah lebih maju dan mempunyai pengikut-pengikut yang lebih ramai hingga dapat mengatasi kedudukan aliran keturunan. Pengaruh aliran Islam terus berlanjutan hingga keabad pertengahan, setelah itu pengaruhnya berkurangan, terutama diabad ke-15 dan selepasnya. Skop Ilmu sejarah telah bertambah luas dan berbeza dengan pengertian sejarah di peringkat awal, dan ini akan dibincangkan nanti.

---

<sup>22</sup> F. Rosenthal, *op. cit.*, h. 15.

<sup>23</sup> Perkataan *asatir* ada disebut didalam al-Qur'an (surah *al-An'am*, ayat 25, *al-Anfal*, ayat 31, *al-Nahl*, ayat 24, *al-Mu'minun*, ayat 83, *al-Furqan*, ayat 5, *al-Naml*, ayat 68). Perkataan '*asatir*' (*asatir al-awwalin*) telah digunakan sebagai penghinaan oleh musuh-musuh Islam terhadap Nabi Muhammad S.A.W. Al-Nadr b. Harith diantaranya yang mempunyai ilmu pengetahuan dan kebudayaan Parsi, pernah melimparkan perkataan *asatir al-awwalin* pada Nabi menekala ia mendengar ucapan Bgainda Kalimah *asatir*, urutan daripada STR, dikatakan mempunyai persamaan pengertian dengan perkataan *historia*. Tapi menurut Rosenthal, bahawa dalam sejarah penggunaan bahasa di Asia Barat, perkataan *historia* tidak pernah dipakai, samada dalam bahasa Aramaic maupun dalam bahasa Ethiopic, tapi apa yang dipakai ialah perkataan *asatir* F. Rosenthal, *op cit* h. 28-29.

<sup>24</sup> F. Rosenthal, *op. cit.*, h. 13.

<sup>25</sup> *Ibid.* h. 13.

<sup>26</sup> Penulisan sejarah Islam yang berbentuk monograph adalah bermula diseparuh kedua diabad ke2 hijrah menekala pengumpulan bahan-bahan sejarah, mengikut F.M. Donner, telah dimulakan dari awal-awal lagi (diabad pertama hijrah); The use of written document by Muslim traditionalists-whether they were transmitting *ahadith* or historical accounts — began much earlier than was hitherto felt possible". F.M. Donner, *The Arab Tribes in The Muslim Conquest of Iraq*, Ph.D. Thesis, Department of Near Eastern Studies, Princeton University, 1975, h. 15.

Bentuk penulisan sejarah Islam yang paling tertua ialah *Tarikh al-Khabar* (Khabar History). Ia merupakan diskripsi lengkap mengenai sesuatu peristiwa dan penceritaannya hanya dalam beberapa muka sahaja. Perkataan '*Khabar*' selalu digunakan sebagai tajuk, *heading*, bagi sesuatu cerita. *Tarikh al-Khabar* tidak menyebut sebab musabab diantara dua atau lebih peristiwa, tetapi ia berdiri sendiri dan tidak memerlukan mana-mana tambahan dari bahan-bahan sejarah yang lain. Hanya diabad ke-10 masihi dan seterusnya *Tarikh al-Khabar* telah mengaitkan sesuatu peristiwa itu dengan sebab kejadiannya, *wa kana al-sabab (the reason of it was)*. *Tarikh al-Khabar* merupakan sambungan secara langsung daripada penulisan *al-Ayyam, battle days narratives* yang telah lama ujud dizaman pra-Islam. Oleh sebab itu terdapat banyak puisi dalam penulisan *Tarikh al-Khabar* yang selalunya digunakan dalam penulisan *al-Ayyam* atau dalam kesusasteraan pra-Islam, hanya di abad pertengahan terdapat beberapa orang sejarawan Islam sepetri al-ra'qubi (m. 284/897) sahaja yang sedikit menggunakan puisi dalam penulisan sejarah.<sup>27</sup>

Walaupun Sejarah *Khabar* merupakan sambungan daripada sejarah *al-Ayyam* tetapi setelah kedatangan Islam bentuk dan isi kandungannya telah diubahsuaikan oleh para sejarawan Islam, Diantaranya perubahan-perubahan ini ialah menggantikan puisi-puisi itu dengan ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith-Hadith Nabi. Persejarahan Islam yang paling awal digelar "*Maghazi*", peperangan-peperangan dizaman Nabi.<sup>28</sup> Kebanyakan daripada penulis-penulis sejarah *Maghazi* adalah terdiri daripada ulamak-ulamak dan muhaddithin. Pengasas pertama sejarah *Maghazi* ialah 'Urwah b. al-Zubair (m. 94/712), seorang *Muhaddith* dan *Faqih*. Diantara buku-buku yang ditulis oleh 'Urwah ialah "*Kitab al-Maghazi*"<sup>29</sup> tapi hingga kini *Kitab al-Maghazi* masih belum ditemui dan apa yang diperolehi hanyalah repisan-repisiannya sahaja. Setengah daripada repisan-repisan itu dapat ditemui dalam *Sirah Ibn Ishaq* (m. 151/761), *Kitab al-Maghazi Waqidi* (m. 207/822), *Tarikh al-Tabari* (m. 310/923), *Bidayah Ibn Kathir* (m. 774/1373). Gaya/style penulisan 'Urwah adalah simple dan direct dan tidak keterlaluan. Sumber-sumber yang digunakannya adalah sumber-sumber lama dan kebanyakannya daripada Sayyidatuna 'A'ishah dan al-Zubair b. Awwam dan kaum kerabatnya. Dalam penulisannya 'Urwah selalu memetik ayat-ayat al-Qur'an<sup>30</sup> dan potongan-potongan syair<sup>31</sup> sebagai hujjah kepada pendapat-pendapatnya. Bidang kajian 'Urwah bukan hanya terbabas kepada sejarah Nabi tapi juga mencakup sejarah dizaman al-Khulafa' al-Rashidun dimana beberapa peristiwa penting, seperti perang *Riddah, apostacy*, dizaman Khalifah Abu Bakar telah diteroka.<sup>32</sup>

Selain dari 'Urwah, Muhammad b. Muslim b. Shihab al-Zuhri (m. 124/741) juga terkenal sebagai ahli sejarah Islam yang terawal yang menulis sejarah "*Maghazi*". Dalam

<sup>27</sup>Sila lihat F. Rosenthal. *op. cit.*, h. 66-71.

<sup>28</sup>Pada dasarnya perkataan "*Maghazi*" mengertikan peperangan-peperangan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W., tapi dalam penggunaan penulisan sejarah *Maghazi* bukan saja dimaksudkan dengan peperangan tapi mencakup semua kegiatan yang dilakukan oleh Nabi, termasuklah kegiatan penyiaran Ugamah Islam. Menurut J. Horowitz, penulisan dizaman Urwa b. al-Zubair adalah berbentuk *notes* dan bukan "*books*". J. Horowitz, *The Earlier Biographies of the Prophet and their Authors, in Islamic Culture*, Published by The Islamic Culture Board, Hyderabad, Deccan, India, vol. I, 1927, h. 550.

<sup>29</sup>Sila lihat Haji Khalifah, *op. cit.*, vol. II, h. 1747; al-Sakhaw, *al-Inlan bi al-Tawbikh liman zamma al-Tarikh*, Damascus, 1930, h. 99.

<sup>30</sup>Sila lihat al-Baladhuri, Ahmad b. Yahya, *Kitab Futuh al-Buldan*, ed. M.J. de Goeje, Leiden, 1866, h. 79; al-Tabari, Abu Ja far, Muhammad b. Jarir, *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, ed. M.J. de Goeje, Leiden, 1879-1901, vol. I, h. 1180, 1288.

<sup>31</sup>Tabari, *op. cit.*, vol. I, h. 1185, 1199, 1242.

<sup>32</sup>Duri, *op. cit.*, h. 23.

penulisannya, al-Zuhri telah menggunakan sumber-sumber yang asli dan tidak dipengaruhi oleh *al-Ayyam*. Sumber utama yang digunakan oleh al-Zuhri ialah Hadith-Hadith Nabi.<sup>33</sup> Bentuk rupa dan style penulisan al-Zuhri samalah dengan bentuk penulisan 'Urwah iaitu simple, direct dan tidak keterlaluan. Ramai lagi sejarawan Islam diperingkat awal yang terkemuka seperti al-Mada'ini, 'Ali b. Muhammad (m. 215/830), al-Sha'bi (m. 110/728), Abu Mikhnaf (m. 157/774), al-Waqidi (m. 207/823), al-Haytham b. 'Adi (m. 207/823) dan Ibn Ishaq (m. 150/767) yang mempunyai authorities dalam sejarah Islam. Mereka ini kebanyakannya adalah berasal dari Iraq, terutama dari Basrah dan Kufah. Sebagaimana dinyatakan diatas, kedua kota, Basrah dan Kufah telah menjadi pusat aliran keturunan dalam penulisan sejarah. Menurut F. Rosenthal, bentuk penulisan Abu Mikhnaf dan al-Mada'ini adalah merupakan kumpulan karangan yang bercorak *Khabar* atau keturunan (a collection of monographs of either the habar or the genealogical form). Saranan Rosenthal ini agak logik dan tepat kerana kedua-dua tokoh-tersebut adalah berasal dari Iraq: Abu Mikhnaf mempelopori sejarah Kufah dan kawasan-kawasan sekitarnya, manakala al-Mada'ini pula berauthoritas dalam sejarah Basrah dan daerah dependensinya.<sup>34</sup> Rencanarencana dan catitan-catitan Abu Mikhnaf dan al-Mada'ini, juga Ibn Ishaq, al-Sha'bi, al-Waqidi dan al-Haytham b. 'Adi, juga 'Urwah dan al-Zuhri telah di gunakan oleh sejarawan-sejarawan Islam diabad pertengahan seperti al-Tabari (m. 310/923) dan al-Baladhuri (m. 279/892). Walaubagaimanapun, suatu corak baru dalam penulisan sejarah Islam yang dinamakan "annalistic" telah dicipta dan dapat digunakan dengan baiknya oleh al-Tabari. Dan dengan adanya system annalistic ini maka dengan sendirinya terhapus sejarah *Khabar*.

Bentuk "Analistic" merupakan suatu bentuk persejarahan kronologi. Contoh-contoh bentuk ini berbunyi demikian, Dalam tahun sekian....., dan sampailah ketahuan sekian.....dan didalamnya, *wa fiha*, terjadilah..... Sejarah Annalistic mula disusun oleh 'Uthman b. Wathimah diabad ke-9 masihi<sup>35</sup> kemudian diperbaiki dan disusun semula oleh al-Tabari. Al-Tabari adalah salah seorang sejarawan Islam yang terkemuka diabad pertengahan masihi. Bukunya, *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, Sejarah Rasul-Rasul dan Raja-Raja, telah dijadikan salah satu sumber sejarah Islam yang terbesar. Dan al-Tabari juga boleh dianggap sebagai seorang mufassir yang agung oleh kerana kepakarannya dalam perbidangan Ilmu Tafsir. Pengaruh Ilmu Tafsir didalam penulisan "Tarikh" al-Tabar adalah sangat jelas dimana al-Tabari telah membentangkan berbagai pendapat terhadap sesuatu peristiwa dengan menggunakan '*Isnad*' atau siri daripada '*Rawi*' pl '*Ruwah*' transmitters, dengan penuh cermat dan teliti, sebagai mana yang dilakukan dalam penulisan Tafsirnya. Tujuan ia berbuat demikian ialah untuk memberi peluang kepada pembaca untuk memilih dan mengambil mana yang sesuai dan menolak mana yang tidak sesuai.<sup>36</sup>

Satu lagi bentuk persejarahan Islam yang dinamakan 'Dynastic': Sejarah Dynastic merupakan bentuk penulisan yang merujuk kepada tata pemerintahan dan menerangkan riwayat hidup seorang pemerintah atau Khalifah berhubung dengan perlantikan dan pemerintahannya serta menerangkan tahap demi tahap selama ia memerintah. Sejarah 'Dynastic' juga banyak menekankan soal-soal moral dan etika Khalifah. Senarai nama-

<sup>33</sup> *Ibid*, h. 23.

<sup>34</sup> Sila lihat M.H. Yahya, *The Origins of the Khawarij*, Ph.D. Thesis, University of Exeter, January 1978 (unpublished), h. 11-13, 176. Antara buku-buku yang ditulis oleh Abu Mikhnaf ialah "*Kitab Futuh al-Iraq*" *Kitab Siffin* "*Kitab al-Nahrawan wa al-Khawarij*". Diantara buku-buku al-Mada, ini ialah "*Tarikh Ahlal-Basrah*". Ibn al-Nadim, *Fihrist* ed. T. Rida, Tehran, 1971, h. 105-106.

<sup>35</sup> F. Rosenthal, *op cit* h. 72.

<sup>36</sup> *Ibid*. h. 135; M.H. Yahya, *op cit* h. 11.

nama anak, isteri-isteri, pegawai-pegawai kerajaan terdapat dalam penulisan ini.<sup>37</sup> Contoh-contoh sejarah Dynastic boleh dilihat dalam "*Tarikh*" al-Ya'qubi (m. 284/897), "*Akhbar al-Tiwal*" oleh al-Dinawari (m. 282/895), dan begitu juga dalam *Ansab al-Ashraf* oleh al-Baladhuri (m. 279/892). Bentuk persejajaran yang lain ialah berupa *tabaqat*, division. Pembahagian secara *tabaqat* ini, adalah berasal dari Islam.<sup>38</sup> Persejajaran *tabaqat* adalah susunan sejarah individu yang berasas kepada "*sabiqah*" *Islamic priority*' Dalam siri susunan *tabaqat* ini periwayat-periwayat Hadith telah didulukan kemudian diikuti oleh para-para Sahabat dan seterusnya orang-orang biasa, sebagaimana ternyata dalam buku Ibn Sa'd "*Tabaqat*".

Bentuk terakhir bagi persejajaran Islam ialah "Susunan Salasilah", *Geneological Arrangement*. Bentuk susur galur salasilah ini banyak menitikberatkan tentang hubungan kekeluargaan didalam organisasi sosial penghidupan masyarakat Islam di abad pertama dan kedua. Dalam konteks ini keluarga-keluarga dari suku Quraisy atau suku Hashim dan keluarga-keluarga Khalifah 'Ali b. Abi Talib selalu dipertikaikan. Salah satu tujuannya ialah untuk meninggikan taraf para sahabat dan keluarga-keluarga Nabi, dan bukan untuk mengekalkan organisasi sosial pra-Islam, *sosial organization of Arabic life*, sebagaimana yang dinyatakan oleh Rosenthal.<sup>39</sup> Memang tidak dapat dinafikan tentang kebesaran dan pengaruh kaum Quraisy sejak berabad-abad sebelum kemunculan Islam tetapi segala kebesaran dan pengaruh kaum Quraisy itu bukanlah hanya dinikmati oleh Banu Hashim tapi juga dari Banu Umayyah dan Banu Makhzum. Beberapa tahun sebelum kedatangan Islam kota Makkah dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya hampir dikuasai oleh Banu Umayyah tapi apabila Islam muncul kekuasaan itu telah berpindah ketangan Banu Hashim yang diketuai oleh Nabi sendiri dan kemudiannya beralih pula kekeluarga Sayyiduna 'Ali b. Abi Talib, pupu dan menantu kepada Nabi. Pembelaan terhadap keluarga 'Ali bermula setelah tamatnya peperangan Siffin (36/657) dan terdirinya kerajaan Umayyah. Pembela-pembela 'Ali telah dikenali sebagai kaum Shi'ah. Ramai diantara sejarawan-sejarawan Islam yang berpro Shi'ah, antara lain ialah al-Ya'qubi (m. 284/897). Didalam bukunya "*Mushakalat al-Nas li zamanihim*" al-Ya'qubi telah mendedahkan segala keburukan pemerintahan keluarga Banu Umayyah, termasuklah Sayyiduna 'Uthman b. 'Affan dan Mu'awiyah b. Abi Sufyan.<sup>40</sup> Diantara buku-buku yang tertua yang ditulis dalam bentuk keturunan (bagi keturunan Quraish) ialah "*Kitab Hadhf min Nasab Quraish*" oleh Mu'arrij b. Amr al-Sadusi (m. 195/810)<sup>41</sup>, kemudian diikuti oleh Hisham b. Muhammad al-Kalbi (m. abad ke-3 hijrah/abad ke-9 masihi) dengan bukunya "*Jamharah al-Nasab*"<sup>42</sup> dan seterusnya Zubayr b. Bakkar (m. 256/870) dengan bukunya "*Nasab Quraisy*"<sup>43</sup> dan al-Baladhuri (m. 279/892) "*Ansab al-Ashraf*"<sup>44</sup>. Diantara autoritas-authoritas yang digunakan oleh al-Baladhuri dalam buku *Ansab al-Ashraf* ialah al-Mada'ini, Abu Mikhnaf dan al-Sha'bi. Dalam *Ansab*, al-Baladhuri menceritakan bukan saja, sejarah

<sup>37</sup> F. Rosenthal, *op. cit.*, h. 87-93.

<sup>38</sup> *Ibid.* h. 93.

<sup>39</sup> F. Rosenthal, *op. cit.*, h. 95.

<sup>40</sup> Al-Ya'qubi, *Mushakalat al-nas li Zamanihim*, ed. W. Willward, Beirut, 1962, sila lihat terutamanya di halaman 13, 14 dan 204-5.

<sup>41</sup> Sadusi, Mu'arri b. A'mr., *Kitab Hadhf min Nasab Quraysh*, ed., Cairo, 1960.

<sup>42</sup> Manuscript, British Museum, no. Add. 23297; also Escorial, no. Arabe, 1689.

<sup>43</sup> Zubayr b. Bakkar, *Nasab Quraysh*, ed., S. al-Munajjid, Cairo, 1960.

<sup>44</sup> Istanbul manuscript, Suleymaniye Kutuphanesi, Reisulkuttap. no. 597-98, 2 volumes: vol. I, ed. M. Hamidullah, Cairo, 1959; vol. IVA, IVB, ed. M. Schloessinger, Jerusalem, 1938; vol. V, S.D. Goitein, Jerusalem, 1936; vol. XI (Anonyme Arabische Chronic), ed. W. Ahlwardt, Greifswald, 1883.

Banu Quraisy tapi sejarah semua kaum Mudar dan sebahagian besar daripada kaum Qays diabad pertama dan kedua hijrah<sup>45</sup> *Khabar* dan *dynasti*.<sup>46</sup>

Dari apa yang di perkatakan diatas dapatlah ditarik kesimpulan bahawa persejaraan Islam, sejak ia dimulakan pada abad pertama hijrah,<sup>47</sup> telah melalui berbagai tahap dan perubahan dan terus berkembang dengan meluasnya di abad ke-3 hijrah (atau ke-9 masihi). Antara lain kemajuan yang dicapai oleh sejarawan Islam ialah menghapuskan pengaruh *al-Ayyam*, atau bentuk penulisan pra-Islam, di abad ke-2 hijrah, disamping membentuk cara-cara baru seperti *dynastic*, *annalistic* dan *division* atau *Tabaqat*. Selain dari perubahan cara dan bentuk penulisan thema dan skop perbicaraan sejarah juga berubah dan lebih meluas. Minat dan bidang kajian ahli Sejarah Islam di peringkat awal ini banyak menumpukan ke arah ugama dan kebudayaan Islam kerana (walaupun terdapat beberapa orang seperti Wahb b. Munabbih dan Ibn Kalbi yang cuba membangkitkan kebesaran kebudayaan orang-orang Arab dizaman pra-Islam) kebanyakan daripada mereka adalah terdiri daripada periwayat-periwayat Hadith. Oleh itu tidak hairanlah kalau penulisan-penulisan sejarah peringkat awal Islam, pada satu-satu ketika, tidak dapat dibedakan dari Hadith, 'tradition.'

Sekali lagi usaha kearah pencapaian keperingkat universal dalam penulisan sejarah Islam telah dilakukan diakhir-akhir abad ke-9 dan di awal abad ke-10 di mana beberapa buah buku mengenai Sejarah Dunia (World History) telah ditulis. Penulis-penulis Sejarah Dunia ini adalah terdiri daripada beberapa sejarawan Islam yang terkemuka, mereka itu ialah: Abu Hanifa Ahmad b. Daud al-Dinawari (m. 282/895) bukunya "*Akhbar al-Tiwal*"<sup>48</sup> Ahmad b. Abi Ya'qub (al-Ya'qubi) (m. 284/897) bukunya "*Tarikh*"<sup>49</sup> Abu Ja'far Muhammad b. Jarir al-Tabari (m. 310/923) bukunya "*Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*",<sup>50</sup> dan Ali b. Husayn al-Mas'udi (m. 345/956), bukunya "*Muruj al-Dhahab*"<sup>51</sup> Al-Dinawari telah membahagikan sejarahnya kepada empat peringkat: sejarah orang-orang Kristian (Biblical History), Sejarah Kerajaan Parsi, Sejarah Semenanjung Arab sebelum Islam, dan Sejarah Islam. Manakala al-Ya'qubi pula telah membahagikan sejarahnya kepada dua bahagian: bahagian pertama ialah pendahuluan, di antara tajuk yang dibicarakan ialah tentang kejadian alam. Di bahagian kedua beliau menceritakan sejarah Semenanjung Arab di zaman pra-Islam, Sejarah Islam, termasuklah sejarah Khalifah Abu Bakar, Khalifah 'Umar, Khalifah 'Uthman, dan Khalifah 'Ali, dan seterusnya Khalifah-khalifah lain dalam Islam. Dalam bahagian Sejarah Islam al-Ya'qubi telah menyentuh tentang keperluan ilmu pengetahuan, dan Khalifah 'Ali diambil sebagai contoh orang yang berpengetahuan. Di sini, secara tak langsung, al-Ya'qubi adalah salah seorang sejarawan Islam yang berpro Shi'ah. Al-Ya'qubi juga banyak mencatat tentang sejarah Nabi Muhammad S.A.W., mengikut susunan kronologi yang lengkap. Mengenai al-Tabari dan bentuk penulisan sejarahnya sedikit sebanyak telah pun diterangkan diatas. Tapi apa yang perlu ditambah disini ialah tentang penyusunan sejarah. Menurut F. Rosenthal, teknik penu-

<sup>45</sup> F. Rosenthal, "Baladhuri", *Encyclopaedia of Islam* (ed.), B. Lewis, New Edition, vol. I, Leiden, E.J. Brill (London, Luzac), 1960 h. 972,

<sup>46</sup> F. Rosenthal, *op. cit.*, h. 96.

<sup>47</sup> Berbagai pendapat tentang permulaan penulisan sejarah Islam: Duri mengatakan tarikh permulaannya sejak zaman 'Urwah b. al-Zubair (1,30/650 m. 93/711 atau 94/712), menekala Horovitz, Abbott, dan Schacht pula berpendapat bahawa permulaan penulisan sejarah Islam ialah diseparah abad pertama hijri. Menurut F. Rosenthal, pula, permulaan persejaraan Islam ialah diseparah kedua abad ke7 masihi. Sila lihat F. Rosenthal, *op. cit.*, h. 130-32.

<sup>48</sup> Al-Dinawari, Abu Hanifah Ahmad b. Daud, *Akhbar al-Tiwal*, ed., A.M. Amir, Cairo, 1960.

<sup>49</sup> Al-Ya'qubi, Ahmad b. Abi Ya'qub, *Tarikh*, ed. Beirut, 1960.

<sup>50</sup> Al-Tabari, Abu Ja'far *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, ed., M.J. de Goeje, Leiden, 1879-1901.

<sup>51</sup> Al-Mas'udi, 'Ali b. Husayn, *Muruj al-Dhahab*, ed., C. Barbier de Meynard & Pavet de Cousteille, Paris, 1861-77.

lisan sejarah al-Tabari boleh dianggap yang terbaik sekali, terutama dari segi susunan, diantara buku-buku Sejarah Islam yang ditulis dalam pertengahan abad kesepuluh.<sup>52</sup> Sejarah al-Tabari bermula sejak beberapa abad sebelum Islam, antara lain termasuklah Sejarah masyarakat orang-orang Arab sebelum Islam, Sejarah Pemerintahan Parsi, dan Sejarah Banu Israil. Dibahagian Sejarah Islam pula al-Tabari memulakan dengan sejarah Nabi Muhammad, S.A.W., mengikut bentuk "*Sirah*", riwayat hidup Nabi Muhammad S.A.W. Sejak dari peristiwa "Hijrah" seterusnya, al-Tabari menggunakan system 'annalistic'.

Al-Mas'udi ialah salah seorang ahli sejarah Islam yang terkemuka di pertengahan abad kesepuluh. Jika sekiranya al-Tabari dianggap sebagai penyusun sejarah Islam yang terbaik maka al-Mas'udi pula dikenali sebagai 'reformist' dalam pemikiran Sejarah Islam.

Sebelum kita melihat lebih dekat tentang persejaraan al-Mas'udi maka eloklah terlebih dahulu diketahui tentang latarbelakang sejarah dan riwayat hidupnya. Al-Mas'udi adalah berasal dari negeri Iraq, dan setelah itu beliau berpindah ke Masir untuk meneruskan 'career'-nya sebagai sejarawan, dan disanalah beliau menghabiskan masa dalam mengkaji sejarah. Al-Mas'udi tergulung daripada ahli-ahli sejarah Islam yang mengkaji sejarah dari sudut skop dan teori yang luas. Al-Mas'udi boleh dianggap sebagai pembuka jalan kearah pembentukan Ilmu Sejarah yang akan diteruskan oleh Ibn Khaldun di abad ke 14.<sup>53</sup>

Abad ke-9 masihi dikenali sebagai "*the Age of the Great Debate*" oleh kerana kemajuan Ilmu pengetahuan dalam masa pemerintahan Abbasiyah yang berpusat di Baghdad telah mencapai ketahap antara bangsa. Perhubungan di antara ibu negara Baghdad dengan negara-negara luar telah bertambah sehingga sampai ke Negeri China, di sebelah Timur, dan ke British Isles, di sebelah Barat. Dengan kawasan yang begitu luas dan penduduknya yang ramai dan berbilang bangsa dan keturunan berbagai masalah telah dihadapi oleh pemerintahan Abbasiyah. Dalam keadaan yang sama para 'intellect' Islam telah menghadapi berbagai cabaran dari kalangan bukan Islam. Para ahli-ahli sejarah Islam seperti al-Mutahhar b. Tahir al-Maqdisi, Ibn Miskawayhi dan al-Mas'udi telah turut sama dalam menghadapi cabaran-cabaran tersebut. Salah satu usaha mereka ialah memodenisasikan penulisan sejarah. Sejarawan-sejarawan "Modernists" ini tidak bersetuju dengan pendapat-pendapat ahli-ahli sejarah "Orthodoxs" yang menggunakan disiplin-disiplin tertentu menurut logik mereka sendiri dengan mengenyepikan perbincangan dan cabaran dari kebudayaan orang lain. Dengan adanya pertentangan pendapat di antara pihak "Orthodoxs" dan "Modernists" dalam mentafsirkan Hadith-Hadith Nabi maka lahirlah trend baru yang banyak menggunakan "wisdom" yang diambil dari bangsa-bangsa Greek, Parsi dan India. Dari sini berpindahlah dari penulisan sejarah kepada penulisan falsafah sejarah. Sejak itu ketidakmampuan perbidangan Hadith, 'tradition', mula dirasakan oleh ahli-ahli sejarah "Modernists". Langkah-langkah yang diambil bukan hanya mengenyepikan 'methodology' dan style Hadith tapi juga had-had dan sempadannya thema-thema baru mula diteroka, seperti sejarah Byzantine dan sejarah India. Cara-cara baru telah dicari untuk memaparkan dunia dan sejarahnya secara tepat dan senang di faham. Dalam hal ini, kombinasi diantara 'geography' dengan sejarah dirasakan sangat-sangat perlu; tanpa mengetahui suasana alam sekitar maka sejarah itu tidak akan memberi makna".<sup>54</sup>

---

<sup>52</sup>F. Rosenthal, *op. cit.*, h. 135.

<sup>53</sup>Tarif Khalidi, *Islamic Historiography*, The Histories of Mas'udi, State University of New York Press, Albany, 1975, h. xiii.

<sup>54</sup>Tarif Khalidi, *op. cit.*, h. xv.

Al-Mas'udi, seorang sejarawan Modernist di abad ke-10 masihi, banyak menghasilkan buku-buku sejarah, tapi kebanyakannya hilang, apa yang diperolehi sekarang hanyalah dua buku: *Muruj al-Dhahab*<sup>55</sup> dan *al-Tanbih wa al-Ishraf*.<sup>56</sup> Tapi, menurut, Tarif Khalidi, dengan adanya buku-buku ini sudah mencukupi untuk mendapatkan maklumat-maklumat tentang pengarang. Banyak dibincangkan tentang penulisan al-Mas'udi dalam sejarah oleh Tarif Khalidi dan beliau menyatakan bahawa sejarah, menurut al-Mas'udi "ialah suatu disiplin ilmu yang lengkap dan comprehensive" dan tujuan ia menulis sejarah ialah "to preserve for the world a praiseworthy memorial and a systematic (*manzum*) and well-prepared science."<sup>57</sup> Konsep falsafah atau 'wisdom' yang digunakan oleh al-Mas'udi adalah diasaskan kepada kata-kata Sayyiduna 'Ali b. Abi Talib: "Wisdom is the elusive desire of the believer. Seek your desire even among the polytheists."<sup>58</sup> Bahan sejarah al-Mas'udi terdiri dari tiga kategori: sumber bertulis, sumber lisan dan sumber ujian. Al-Mas'udi merupakan ahli sejarah Islam yang ulung menulis dengan berbagai bentuk dan cara: bagi sejarah zaman Nabi beliau menggunakan system kronologi, begitu juga sejarah al-Khulafa' al-Rashidun, bagi sejarah pra-Islam dan sejarah Kerajaan Umayyah dan Abbasiyah ia menggunakan bentuk 'Dynastic' dan "Annalistic". Dalam Bab pertama dalam buku "*Muruj al-Dhahab wa Ma'adin al-Jawhar* (The Meadows of Gold and Mines of Games) yang membincangkan tentang Asal Usul Kejadian, Ilmu Falak, dan 'Geography' al-Mas'udi ada menyatakan bahawa kandungan buku "Muruj" merupakan ringkasan daripada Ilmu-ilmu 'speculative, demonstrative' dan 'dialectic' (*ulum al-nazar wa al-barahin al-jadal*) yang sehubungan dengan pandangan-pandangan dan ugama-ugama (*ara wa nihal*) dalam bentuk report (*'ala tariq al-khabar*).<sup>59</sup> Dari kata-katanya ini ternyata bahawa pendekatan al-Mas'udi ialah berbentuk "Scientific" yang bertentangan dengan cara yang digunakan oleh ahli-ahli sejarah Islam di abad-abad pertama dan kedua hijrah, tetapi ini tidak berarti berlawanan dengan konsep ugama Islam, sebagaimana yang ditegaskan oleh F. Rosenthal.<sup>60</sup> Islam menggesa orang-orang Islam berdialog dengan orang-orang bukan Islam, sebagaimana firman Allah S.N.W., dalam al-Qur'an yang bermaksud "Dan berdialoglah dengan mereka (orang-orang kafir) dengan cara yang baik".<sup>61</sup>

Sebelum mengetahui perubahan-perubahan selanjutnya dalam penulisan sejarah Islam maka patut dilihat terlebih dahulu tentang peranan persejarahan dalam pendidikan.

Meskipun penyiaran ilmu pengetahuan Islam telah begitu ketara sejak abad ke-9 masihi namun perkembangan dan penyiaran ilmu sejarah adalah sangat-sangat terhad. Mata pelajaran sejarah hanya diajar disekolah-sekolah rendah dan dijadikan sebagai bahan bacaan sahaja.<sup>62</sup> Dan pengetahuan sejarah yang diajar hanya diasaskan kepada pengetahuan ugama. Sesiapa daripada murid-murid yang berminat dan ingin menambahkan pengetahuannya tentang sejarah terpaksa berikhtiar sendiri, samaada mengambil

<sup>55</sup> Al-Mas'udi, *Muruj*.

<sup>56</sup> Al-Mas'udi, *Tanbih wa al-Ishraf*, ed., M.J. de Goeje. *Bibliotheca Geographorum Arabicorum*, Vol. 8. Leiden; F.J. Brill, 1894.

<sup>57</sup> Tarif Khalidi, *op. cit.*, h. 31-32.

<sup>58</sup> *Ibid*, h. 6.

<sup>59</sup> Mas'udi, *Muruj*, vol. 1, h. 54.

<sup>60</sup> F. Rosenthal, *op. cit.*, h. 108.

<sup>61</sup> Surah *al-Nahl*, ayat 125 — begitu juga dalam surah *al-Ankabut* ayat 46, Allah S.A.W., ada berfirman yang bermaksud "Dan janganlah berdebat (berdialog) dengan Ahli Kitab, melainkan dengan cara yang paling baik."

<sup>62</sup> Mata pelajaran yang diajar disekolah-sekolah rendah ini hanya ditumpukan kepada baca/tulis dan menghafal al-Qur'an. Diantara kesukaan dan minat murid-murid diperingkat ini ialah membaca buku-buku sejarah F. Rosenthal, *op. cit.*, h. 25.

guru khas (private tuition) atau pun menerusi pembacaan sendiri. Pendidikan yang dimaksudkan disini ialah pendidikan rakyat umum dan tidak termasuk anak-anak raja (Khalifah) atau anak-anak orang atasan. Mereka ada mempunyai sekolah-sekolah khas dengan sistem pendidikan yang berbiza dari sistem sekolah-sekolah rakyat jelata. Disekolah anak-anak raja, mata pelajaran sejarah dijadikan sebagai mata pelajaran asasi dan mula diajar sejak diperingkat rendah lagi. Menurut Ibn Hamdun, "Ilmu pengetahuan asasi bagi raja-raja (Khalifah-Khalifah) ialah Ilmu Keturunan, Ilmu sejarah (i.m al-akhbar), dan Ilmu Fiqah."<sup>63</sup> Menurut Rosenthal pula, dalam abad ke-17 pembelajaran sejarah telah dijadikan sebagai syarat utama bagi kelayakan untuk menjadi Khalifah.<sup>64</sup>

Ramai diantara sejarawan-sejarawan Islam yang terkemuka diabad-abad pertengahan seperti al-Tabari, al-Baladhuri dan sebagainya, tapi tidak ada seorang pun yang ber-specialist dalam sejarah.<sup>65</sup> Al-Tabari umpamanya masih boleh dianggap sebagai mufassir kerana ketokohnya dalam Ilmu Tafsir. Begitu juga al-Baladhuri, walau pun beliau banyak menghasilkan buku-buku sejarah seperti *Kitab Futuh al-Buldan* dan *Kitab Ansab al-Ashraf* tapi segala urusan penulisannya adalah dibawah arahan Khalifah al-Mutawakkil. Begitu pula seterusnya al-Dinawari, al-Ya'qubi dan al-Mas'udi tidak terlepas daripada pengaruh-pengaruh politik semasa, dan ketiga-ketiganya adalah berpro-Shi'ah. Mnakaala ahli-ahli sejarah Islam yang terkemudian seperti Ibn Al-Athir (m. 630/1233), al-Dhahabi (m. 748/1348), Ibn Khaldun (m. 804/1406), al-Maqrizi (m. 845/1442) dan Ibn Hajar (m. 852/1448) telah mencampur adukkan, sama ada sengaja atau tidak sengaja, diantara sejarah dengan ilmu-ilmu yang lain seperti Ilmu Tatabahasa, Ilmu Hadith, Ilmu Tafsir, dan sebagainya.

Dari sini ternyata bahawa pada keseluruhannya sejarawan-sejarawan Islam sejak abad ke-9 telah diresapi oleh pengaruh-pengaruh politik, ugama dan fahaman kedaerahan. Justru itu "mereka kadang kala menunulkan pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan yang keterlaluan dan tidak menepati dengan apa yang sebenar."<sup>66</sup>

Kembali kepada perkembangan persejarahan Islam, sebagaimana yang dinyatakan diatas, persejarahan Islam telah melalui beberapa proses sehingga terbentuknya cara baru yang dinamakan "scientific" atau kehala scientific di abad ke-10 masihi. Aliran dinamakan baru ini terus berkembang hingga ke abad 14 masihi dimana lahirnya 'Abd al-Rahman b. Muhammad (Ibn Khaldun), seorang tokoh baru yang memperjuangkan persejarahan Islam mengikut cara moden dan scientific. Ibn Khaldun dilahirkan di Tunisia pada 732/1332 dan mati pada 808/1406. Ibn Khaldun, disamping mengkaji sejarah, pernah melibatkan diri dalam arina politik dan menjawat jawatan *al-hijabah* (atau perdana menteri). Beliau juga bergiat dalam menyebarkan ugama Islam dan pernah dilantik menjadi *Qadi* dan *Khatib*. Oleh kerana krisis politik dalam negeri beliau terpaksa meninggalkan kampung halamannya pergi merantau di beberapa buah negeri, diantaranya ialah negeri Mesir dimana tidak sedikit pengalaman dan pengetahuan mengenai sejarah yang diperolehinya. Disamping itu, Ibn Khaldun juga sempat berguru dengan ulamak-ulamak dari negeri Spain.<sup>67</sup>

<sup>63</sup> Ibn Hamdun, *al-Tadhkirah* bahagian III manuscript Budilman, no. h. hal., 80 atau marsh 316; F. Rosenthal, *op. cit.*, h. 28.

<sup>64</sup> F. Rosenthal, *op. cit.*, h. 28.

<sup>65</sup> Yang dimaksudkan dengan "specialist" disini ialah samada tidak menumpukan sepenuh masa kepada penulisan sejarah atau tidak membuat pengkhususan tentang pengkajian sejarah.

<sup>66</sup> Duri, *op. cit.*, h. 11.

<sup>67</sup> Ibn Khaldun, *Muqaddimah* ed. Wezarat al-Thaqafah wa al-Irshad al-Qawmi, Cairo, 1960, h. 2-8.

Dalam penulisan sejarah, Ibn Khaldun selalu memetik kata-kata dari al-Mas'udi, terutama dalam bentuk kritik yang rational.<sup>68</sup> Ini sudah membuktikan yang Ibn Khaldun bersependapat dengan al-Mas'udi dalam memodenisasikan penulisan sejarah.

Penulis tidak berniat untuk membincangkan sejarah Ibn Khaldun secara menyeluruh, tapi tujuan yang sebenar disini ialah untuk memperlihatkan kesan sejarah Ibn Khaldun terhadap penulisan sejarah moden (barat).

Ibn Khaldun bukan saja terkenal sebagai ahli sejarah tapi juga sebagai ahli falsafah sejarah dan sosiologis. Sifat-sifat ini dapat dilihat dari bukunya "Muqaddimah", iaitu pendahuluan kepada "Kitab al-'Ibar wa Diwan al-Mubtada' wa al-Khabar fi Ayyam al-Arab wa al-Ajam wa al-Barbar". Didalam Muqaddimah Ibn Khaldun telah membahagikan kepada enam bab: Bab pertama, mengenai risalah umum tentang masyarakat manusia, Bab Kedua, mengenai masyarakat badwi atau masyarakat primitif, Bab ketiga, mengenai pemerintahan raja-raja dan Khalifah-Khalifah, Bab keempat, mengenai masyarakat bandar atau masyarakat yang sudah maju, Bab kelima, mengenai penghidupan dan pekerjaan sehari dan tindak tanduk ekonomi secara umum, Bab keenam, mengenai ilmu pengetahuan dan pendidikan. Disamping keenam-enam bab ini didahului oleh pendahuluan.

Dalam bahagian pendahuluan bagi "Muqaddimah" Ibn Khaldun telah menerangkan difinisi sejarah dan tugas seorang ahli sejarah serta menunjukkan cara-cara bagaimana menulis sejarah. Sejarah, menurut Ibn Khaldun ialah "mlakumat tentang masyarakat manusia dan kemajuan alam" (*khbaraun 'an al-ijtima' al-Insani alladhi huwa 'umran al-'alam*)<sup>69</sup> Sejarah katanya, terbahagi kepada dua: sejarah am dan sejarah khas. Sejarah am ialah menceritakan tentang sesebuah kerajaan atau sesuatu peristiwa tanpa mengkaji tata susunan masyarakat. Manakala sejarah khas pula ia harus melihat sejarah menerusi tindak tanduk masyarakat. Sejarah al-Mas'udi, katanya, hanyalah berbentuk sejarah am.<sup>70</sup> Sejarah yang sebenar, menurut Ibn Khaldun, ialah sejarah *khas* yang mempunyai dua kualiti, *zahir* dan *batin*. Pada zahirnya sejarah itu tidak lebih dari berita-berita perang (al-ayyam) dan pemerintahan, peristiwa-peristiwa yang telah lalu, .. jatuh banggunya sesebuah kerajaan, .... maju atau mundurnya sesuatu masyarakat, .... tapi pada batinnya ialah tinjauan dan penyelidikan, serta keterangan-keterangan yang nyata mengenai kehidupan, dan pengetahuan yang mendalam tentang peristiwa dan sebab-sebabnya. Tugas ahli sejarah ialah memilih bahan-bahan sejarah serta dapat membizakan yang benar dari yang tidak benar (*Tamhis al-Akhbar*) dan menyatakan sebab-sebab kejadiannya (*ta'lil al-waqa'i*). Gagal untuk berbuat demikian maka berarti ia gagal menghasilkan penulisan sejarah dan ia tidak boleh digelar ahli sejarah.<sup>71</sup>

Ibn Khaldun juga mempunyai pengetahuan yang luas mengenai ilmu Logik dan selalu menggunakannya jika diperlukan. Tapi ia tidak percaya sepenuhnya kepada logik atau *reason* kerana, katanya, skop logik adalah terhad. Dalam lain perkataan ia menolak apa yang dikatakan 'traditional speculation' oleh ahli-ahli falsafah kerana katanya ia akan membawakan kontroversi dan pertikaian yang tidak akan membuahkan apa-apa hasil. Tapi

<sup>68</sup> Abdallah Laroui, *op. cit.*, h. 19. — hubungan diantara pendapat Ibn Khaldun dengan pendapat al-Mas'udi dalam penulisan sejarah, sila lihat Tarif Khalidi, *op. cit.*, h. XIII, XII, 6, 71, 92, 143, 144.

<sup>69</sup> Ibn Khaldun, *Muqaddimah* h. 43.

<sup>70</sup> *Ibid.*, h. 41.

<sup>71</sup> *Ibid.*, h. 45-46; Abu Khuldun Sati' al-Husari, *Dirasat an Muqaddimah Ibn Khaldun*, Maktabah al-Khanji, Cairo, (Dar al-Katib al-Arabi, Beirut) 1967, h. 265.

apa yang beliau mahukan ialah bentuk spekulasi yang positif yang akan memberi hasil yang lebih bermakna menerusi 'dialectical process'.<sup>72</sup>

Dari maklumat-maklumat yang di perolehi daripada 'Muquaddimah' dapatlah ditarik kesimpulan bahawa Ibn Khaldun merupakan seorang reformist yang berjaya menggabungkan berbagai disiplin ilmu pengetahuan, dari timur dan barat, dalam membentuk kesatuan sejarah yang berteraskan kepada agama dan masyarakat. Mengenai ketokohan Ibn Khaldun R. Plint, seorang sejarawan Inggeris, berkata "Bahawa Ibn Khaldun boleh dianggap seorang ahli falsafah Islam yang tidak ada setara dengannya".<sup>73</sup> Begitu juga Y. Lacoste ada menulis "Sekiranya Thucydides dianggap sebagai pencipta sejarah Ibn Khaldun pula telah memperkenalkan sejarah sebagai satu science."<sup>74</sup> Mengikuti satu kajian lain tentang Ibn Khaldun ada menegaskan "Bahawa keahlian Ibn Khaldun dalam ilmu sejarah telah mengatasi kebolehan ahli-ahli falsafah sejarah dan sejarawan di timur atau di barat sebelum dan sekurang-kurangnya empat abad selepasnya".<sup>75</sup> Saranan-saranan ini samalah dengan saranan-saranan yang di buat oleh F. Rosenthal tentang kebolehan dan pengaruh ahli-ahli sejarah Islam keatas persejarahan barat sejak di abad ke-17.<sup>76</sup>

Untuk meninjau lebih jauh marilah kita mengalakan perhatian ke arah persejarahan barat. Sejak beberapa dekad kebelakangan terdapat beberapa orang ahli-ahli falsafah sejarah dan sejarawan-sejarawan barat seperti Croce, Collingwood dan Carr yang mempersoalkan tentang disiplin-disiplin sejarah dan perkaedahan-perkaedahan persejarahan dan perkembangannya. Tapi tak ada seorang pun daripada mereka yang menyentuh tentang persejarahan Islam atau menyebut nama Ibn Khaldun; semua perbicaraan mereka adalah berkisar disekitar Eropah. Ini mungkin disebabkan oleh pencapaian ilmu pengetahuan yang tinggi yang diperolehi oleh negeri-negeri di Eropah di abad-abad ke-17, ke-18 dan ke-19. Hal ini Herder, sejarawan Eropah di abad ke-18 masihi, ada menegaskan "The favoured centre in which this historical life arise is Europe, owing to its geographical and climatic peculiarities, so that in Europe alone human life is genuinely historical."<sup>77</sup> Walau bagaimana pun, pendapat Herder ini telah ditolak oleh Collingwood dengan katanya "It is not really true that Europe is the only country that has history, though doubtless it was the only country about which in Herder's time Europeans has much historical knowledge".<sup>78</sup>

Dari kata-kata Collingwood jelas menunjukkan bahawa meskipun beliau mengaku adanya kemajuan persejarahan Eropah di abad ke-18 tapi disebaliknya beliau tidak menafikan ujudnya persejarahan di negeri-negeri lain dari negeri Eropah. Tetapi oleh kerana bidang pengkhususannya ialah persejarahan Eropah maka mahu atau tidak mahu ia terpaksa menumpukan perhatian yang sepenuh kearah Eropah dan tokoh-tokohnya sejak zaman Herodotus dan Thucydides diabad ke-5 s.m. hinggalah ke zaman Rousseau, Voltaire, Hume, TH. Warton, Herder, Kant, Schiller, Hegel, dan seterusnya tokoh-tokoh semasa dengannya.

---

<sup>72</sup>"Ibn Khaldun" *Encyclopaedia of Islam*, (ed.), B. Lewis, vol. III, Leiden, E.J. Brill (London, Luzac), 1971, h. 830.

<sup>73</sup>*Majallah al-Arabi*, Jun, 1959, h. 120.

<sup>74</sup>"Baladhuri", *Encyclopaedia of Islam*, (ed.), B. Lewis, vol. III, h. 830.

<sup>75</sup>Abu Khaldun, *op. cit.*, h. 264.

<sup>76</sup>Lihat h. 1.

<sup>77</sup>R.G. Collingwood, *The Idea of History*, Oxford University. Press, London, 1945, h. 90.

<sup>78</sup>*Ibid*, h. 90.

Dalam bukunya "The Idea of History" Collingwood telah memberikan pendapat-pendapatnya mengenai konsep dan pengertian sejarah. Sejarah, mengikut Collingwood, ialah suatu penyelidikan (research atau science) tentang tindak tanduk manusia dimasa lalu menerusi akal pemikiran sejarawan sendiri. Oleh itu, tegasnya, sejarah adalah penyusunan semula dalam pemikiran ahli sejarah mengenai pemikiran yang dikaji. Rengkasnya sejarah itu terbahagi kepada empat: penyelidikan (research), tindak tanduk masyarakat (human actions), pemikiran (self-knowledge) dan penyusunan semula pemikiran yang dikaji (interpretation of evidence). Tiga bahagian pertama diambil daripada Herodotus, manakala bahagian terakhir diambil daripada Thucydides.<sup>79</sup> Terdahulu dari itu Benedetto Croce cuba mendefinisikan sejarah sebagai "sejarah adalah melihat masa lalu menerusi keadaan masa kini. Dan tugas utama bagi sejarawan bukan sekadar mencatat tapi juga menilai. Tanpa penilaian, katanya, sejarawan tidak akan ketahui apa yang sepatut dicatat".<sup>80</sup> Setelah itu E.H. Carr pula berpendapat bahawa "sejarah adalah satu proses yang tidak putus-putus di antara seorang sejarawan dengan fakta-fakta sejarah, dan dialog yang juga tidak putus diantara masa kini dengan masa lalu."<sup>81</sup>

Dari beberapa definisi yang dikemukakan oleh para ahli-ahli sejarah dan sejarawan barat tadi maka dapatlah di simpulkan seperti berikut: Sejarah itu ialah Sains, masa lalu, pemikiran, tindak tanduk masyarakat, meneliti dan hubungan di antara fakta-fakta dengan pemikiran sejarawan atau hubungan di antara masa lalu dengan masa kini. Dan kesemua faktor-faktor ini telah disebut oleh Ibn Khaldun.<sup>82</sup> Jadi apakah Croce, Collingwood dan Carr menyalin pendapat Ibn Khaldun atau Ibn Khaldun sendiri telah dipengaruhi oleh Herodotus dan Thucydides sebelumnya? Untuk menjabab pertanyaan ini marilah kita sama-sama meninjau kembali sejarah persejarahan sebelum dan selepas Ibn Khaldun

Penulisan sejarah Greek sebelum Herodotus dan Thucydides adalah berbentuk legenda dan metos<sup>83</sup> tapi setelah itu dicorakkan kepada bentuk persejarahan yang berasaskan kepada kenyataan. Herodotus adalah dikatakan pengasas persejarahan Greek, dan dengan itu digelar sebagai "The Father of History". Setelah itu diikuti pula oleh rakan semasanya Thucydides.<sup>84</sup> Persejarahan Eropah terus berkembang hinggalah kezaman yang dinamakan 'The Age of Enlightenment', zaman kemajuan atau zaman kesedaran, diawal abad ke-18. Di dalam masa tersebut orang-orang Eropah telah melancarkan beberapa gerakan menentang kuasa-kuasa gereja. Tokoh-tokoh sejarah seperti Hume dan Voltaire telah turut sama dalam penentangan ini. Mereka bukan saja menentang kuasa-kuasa gereja tapi juga menentang kepercayaan agama Kristian itu sendiri.<sup>85</sup> Menurut Rosenthal, perkembangan persejarahan Eropah di abad ke-17 dan seterusnya banyak dipengaruhi oleh persejarahan Islam diabad pertengahan. Diantara tokoh-tokoh sejarah Eropah ini ialah Hume, kemudian itu diikuti pula oleh Herder dan seterusnya sejarawan -sejarawan di abad-

<sup>79</sup> R.G. Collingwood, *op. cit.*, h. 9-11; E.H. Carr, *What is History?* Penguin Books Ltd., Harmondsworth 1961, h. 21.

<sup>80</sup> Sila lihat E.H. Carr, *op. cit.*, h. 21.

<sup>81</sup> *Ibid*, h. 30.

<sup>82</sup> Science (*fann*), masa lalu (*sawabiq*), pemikiran atau pengetahuan (*Ilm*), tindak tanduk masyarakat (*al-Ijtima' al-Insani*), meneliti (*tamhis al-akhbar*) dan hubungan diantara fakta dengan pemikiran sejarawan (*tahlil al-waqai'*) atau hubungan antara masa lalu dengan masa kini (*tabaddala tal-ahwal thawwal al-alam wa kannahu khalaqun jadid*). *Muqaddimah*, h. 40, 42, 43, 45; Abu Khaldun, *op. cit.*, h. 265.

<sup>83</sup> Legenda, ialah bentuk cerita yang benar ujud dan lahir tapi tidak berbentuk 'secret', suci. Metos, ialah cerita yang berbentuk 'secret' (sila lihat Bascon, *The Forms of Folklore, Pranse Narratives, Journal of American Folklore* vol. LXXVII, no. 307, Jan. Much., 1965, h. 3-20.

<sup>84</sup> Menurut Y. Lacoste, pencipta sejarah Greek ialah Thucydides. sila lihat diatas, h. 20.

<sup>85</sup> Collingwood, *op. cit.*, h. 76.

abad ke-18 dan ke-19.<sup>86</sup> Walaupun, dalam hal ini, Rosenthal hanya merujuk kepada persejajaran (historical literature) Islam di abad pertengahan dan tidak menyebut secara tepat sejarawan manakah yang mempengaruhi ahli-ahli sejarah Eropah, tapi, setelah dilihat dan ditinjau, ternyata apa yang dimaksudkannya ialah sejarawan-sejarawan Islam yang modenis seperti al-Mas'udi. Trend modenis pada keseluruhannya ialah menolak cara tradisional yang hanya berdasarkan kepada ugama dan kelahiran tanpa menggunakan falsafah. Di atas dasar inilah Ibn Khaldun dikenali sebagai ahli falsafah sejarah Islam yang teragung dan sentiasa disanjung tinggi oleh ahli-ahli falsafah sejarah dan sejarawan barat seperti Hammer, Schulz, Garcin de Tassy, Qatremere, De Slane, Schmidt, Von Kremer, Lewine, Gabrieli, Maunier, Y. Lacoste, seterusnya Nicholson, Flint, dan Toynbee. Dan buku Ibn Khaldun 'Muqaddimah' telah diterjemahkan kedalam berbagai bahasa di dunia

Memang tidak dapat dinafikan adanya pengaruh Falsafah Greek kaatas pemikiran orang-orang islam di zaman pemerintahan Abbasiyyah, terutama diabad ke-9 masihi. Dan zaman ini dikenali sebagai 'The Age of Great Debate'. Mungkin dengan kesan inilah al-Mas'udi timbul dengan membawa idea-idea baru yang berbentuk rasionalisme, dan diperkembangkan oleh Ibn Khaldun empat abad selepasnya.<sup>87</sup>

Dari maklumat-maklumat diatas dapatlah ditarik kesimpulan bahawa walaupun terdapat beberapa gerakan daripada sejarawan-sejarawan modenis Islam tapi ini tidaklah dapat disamakan dengan gerakan-gerakan dari sejarawan-sejarawan modenis Eropah kerana gerakan-gerakan modenis di Eropah adalah lebih merip kepada materialisme. Sejarawan-sejarawan modenis Eropah bukan saja berlainan pendapat dengan sejarawan-sejarawan tradisi Kristian tapi mereka juga menentang prinsip-prinsip ugama Kristian.<sup>88</sup> Keadaan ini adalah berbeza sekali dengan sikap sejarawan-sejarawan modenis Islam seperti Ibn Khaldun. Mereka tidak pernah menyeleweng daripada prinsip-prinsip ugama lebih-lebih lagi menentanginya, sebagaimana yang terjadi di Eropah, adalah jauh sekali. Yang menjadi masalah kepada sejarawan-sejarawan modenis Islam adalah perkembangan masyarakat yang begitu pesat di abad ke-14. Kenyataan ini telah dilaporkan oleh Ibn Khaldun dalam 'Muqaddimah'.<sup>89</sup> Dalam mengatasi masalah ini sejarawan-sejarawan modenis Islam terpaksa mengambil inisiatif bagi mengubah cara/bentuk penulisan sejarah Islam lama kepada suatu corak yang lebih berkesan dan bermakna dengan menggabungkan di antara ugama, politik dan sosial. Walau bagaimanapun Ibn Khaldun selalu melafazkan '*wa llahu 'a'lam*, Allah yang lebih mengetahui, dan seumpamanya dipengakhir percakapannya. Selain dari itu Ibn Khaldun juga menolak prinsip "speculative reasoning" yang diamalkan oleh ahli-ahli falsafah dan pendapat pendapat yang berasaskan kepada 'logik' atau 'reason' semata-mata atau secara terus menerus. Oleh itu setengah ahli-ahli Sejarah Islam berpendapat bahawa idea-idea sejarah yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun adalah diasaskan kepada al-Qur'an, meskipun Ibn Khaldun sendiri cuba menafikannya.<sup>90</sup>

---

<sup>86</sup> F. Rosenthal, *op. cit.*, h. 197.

<sup>87</sup> Sila lihat diatas, h. 18.

<sup>88</sup> R.G. Collingwood, *op. cit.*, h. 76.

<sup>89</sup> Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, h. 41-42.

<sup>90</sup> silalahat Imad al-Din Khalil, *al-Tafsir al-Islami li-al-Tarikh*, Dar al-'Ilm li al-Malayin, Beirut, 1975, h. 9.